

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

Manfaat dan Ciri-ciri Produk

1. Apakah BSN Takaful Sakinah Plus?
 - a. BSN Takaful Sakinah Plus adalah pelan takaful berkelompok mampu milik yang boleh diperbaharui setiap tahun yang memberi perlindungan untuk Kematian bukan akibat Kemalangan dan Kematian akibat Kemalangan. Jika Kematian akibat Kemalangan berlaku Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*, pelan ini memberikan perlindungan yang lebih tinggi. Pelan ini juga disertakan dengan Manfaat *Khairat* dan Rebat Sumbangan sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal semasa pembaharuan sijil dengan pelan yang sama pada akhir Tempoh Perlindungan.
 - b. Pelan ini disahkan di bawah Perlindungan Tenang, satu inisiatif nasional untuk menyediakan pelan takaful yang mudah dan berpatutan. Untuk maklumat lanjut tentang produk Perlindungan Tenang, anda boleh melayari laman web www.mycoverage.my/perlindungan_tenang.

2. Apakah tempoh perlindungan untuk BSN Takaful Sakinah Plus?

BSN Takaful Sakinah Plus adalah pelan boleh diperbaharui secara automatik setiap tahun sehingga Umur 60 tahun (Umur luput maksimum adalah 61 tahun).

3. Siapakah yang layak menyertai BSN Takaful Sakinah Plus?
 - a. Pelanggan BSN dengan akaun simpanan yang berumur antara 19 hingga 60 tahun.
 - b. Ahli yang Dilindungi hanya boleh menyertai satu sijil BSN Takaful Sakinah Plus sahaja sepanjang Tempoh Perlindungan.

4. Saya mempunyai sijil BSN Takaful Sakinah sedia ada, bolehkah saya menyertai BSN Takaful Sakinah Plus?

Ya. Anda masih boleh menyertai BSN Takaful Sakinah Plus semasa mempunyai sijil BSN Takaful Sakinah. Walau bagaimanapun, anda hanya boleh menyertai satu sijil sahaja untuk setiap produk sepanjang Tempoh Perlindungan.

5. Berapakah sumbangan untuk BSN Takaful Sakinah Plus?
 - a. Sumbangan tahunan bagi pelan ini akan dibayar oleh Ahli yang Dilindungi melalui Pemegang Sijil Induk mengikut jenis pelan yang dipilih seperti jadual di bawah.

Pilihan Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
Sumbangan Tahunan Asal	RM 65	RM 95	RM 130	RM 190

Nota: PruBSN boleh mengubah amaun sumbangan, kadar penolakan *Tabarru`* dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan dengan memberi pemberitahuan selama tiga puluh (30) hari terlebih

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

dahulu kepada Pemegang Sijil Induk dan Ahli yang Dilindungi. Perubahan kepada amaun sumbangan, kadar penolakan Tabarru` dan/atau Caj *Wakalah* Pendahuluan akan berkuat kuasa dari Tarikh Pembaharuan Sijil yang berikutnya.

6. Apakah manfaat bagi setiap pelan?

a. Pelan ini menawarkan manfaat-manfaat berikut berdasarkan pelan yang dipilih:

Manfaat-Manfaat	Pilihan Pelan			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
	Ringgit Malaysia (RM)			
Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan*	10,000	15,000	20,000	30,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	20,000	30,000	40,000	60,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan (Semasa Musim Perayaan atau Semasa Menunaikan <i>Haji</i> atau <i>Umrah</i>)	30,000	45,000	60,000	90,000
Manfaat <i>Khairat</i>	1,500	1,700	2,500	3,500
Rebat Sumbangan	Diskaun serta-merta sebanyak 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal semasa pembaharuan sijil dengan pelan yang sama			

*Tertakluk kepada tempoh menunggu 4 bulan daripada Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

Nota:

- i. Hanya satu daripada manfaat di bawah akan dibayar apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
 - Kematian bukan akibat Kemalangan; atau
 - Kematian akibat Kemalangan; atau
 - Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan; atau
 - Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* yang mana yang lebih tinggi.
- ii. Musim Perayaan adalah merujuk kepada perayaan-perayaan berikut:
 - Hari Pertama dan Kedua Hari Raya Aidilfitri;
 - Hari Pertama dan Kedua Tahun Baru Cina;
 - Hari Pertama Deepavali;
 - Hari Pertama Krismas;
 - Hari Pertama dan Kedua Hari Gawai;

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

- Hari Pertama dan Kedua Pesta Kaamatan; dan
 - 2 hari sebelum dan selepas perayaan yang disebutkan di atas.
- iii. Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- Tempoh perlindungan akan menjadi tempoh sebenar perjalanan sehingga empat puluh lima (45) hari untuk *Haji* dan lima belas (15) hari untuk *Umrah*.
 - Perlindungan bermula apabila Ahli yang Dilindungi melepasi imigresen ke Arab Saudi dan berakhir apabila Ahli yang Dilindungi melepasi imigresen di destinasi di mana Ahli yang Dilindungi bertolak dari Arab Saudi.

Contoh:

Perjalanan Daripada	Perjalanan Ke	Perlindungan
Kuala Lumpur	Saudi Arabia	Perlindungan bermula apabila melepasi imigresen Malaysia
Saudi Arabia	Kuala Lumpur	Perlindungan berakhir apabila melepasi imigresen Malaysia

- Manfaat ini akan diberi untuk tujuan *Haji* atau *Umrah* sahaja. Manfaat ini tidak akan memberikan perlindungan semasa Ziarah ataupun pelancongan, sekiranya Ahli yang Dilindungi menunaikan Ziarah ataupun melancong keluar dari Arab Saudi semasa tempoh *Haji* atau *Umrah*.

7. Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar pelan ini?

- a. Anda boleh mendaftar di mana-mana Cawangan BSN berdekatan atau melalui pendaftaran sendiri melalui laman web di www.bsn.com.my. Anda hanya perlu mempunyai akaun simpanan dengan BSN.

8. Bagaimanakah cara untuk membayar sumbangan?

- a. Setelah langganan dibuat, BSN akan memotong sumbangan dari akaun simpanan anda berdasarkan pelan yang telah anda pilih.
- b. Anda akan menerima resit rasmi secara serta-merta selepas berjaya membayar sumbangan semasa mendaftar pelan ini (cawangan BSN/ pendaftaran sendiri melalui laman web). Adalah penting untuk anda menyimpan semua resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan sebagai rujukan masa hadapan.

9. Bolehkah saya menukar kekerapan bayaran sumbangan saya?

- a. Tidak. Kekerapan bayaran sumbangan untuk semua pelan-pelan BSN Takaful Sakinah Plus adalah perlu dibuat secara tahunan.

10. Bagaimana dan bilakah saya boleh memperbaharui pelan saya?

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

- a. Sijil anda akan diperbaharui secara automatik pada setiap Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan Ahli yang Dilindungi dengan jumlah manfaat yang sama selagi Sumbangan dibayar.
 - b. Jika anda tidak mahu memperbaharui sijil, anda perlu memaklumkan atau menulis kepada BSN atau PruBSN sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum akhir Tempoh Perlindungan.
 - c. Sebarang pembaharuan yang dibuat selepas tempoh tangguh (30 hari selepas Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan) akan dianggap sebagai permohonan baru, tertakluk kepada pengecualian yang dibutirkan di perenggan 18 di bawah dan bagi Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan, terdapat Tempoh Menunggu selama 4 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.
 - d. Perlindungan tamat serta-merta pada Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan pada Umur Ahli Yang Dilindungi 61 tahun.
11. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat BSN Takaful Sakinah Plus?
- a. Anda boleh merujuk kepada Lampiran Keterangan Produk (PDS) dan dokumen produk yang lain di www.bsn.com.my, atau anda boleh menghampiri *Bank Tellers* BSN untuk mendapatkan PDS di Cawangan BSN berdekatan anda.
 - b. Anda boleh menghubungi:
 - i. Wakil Khidmat Pelanggan di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi – 5.15 petang) ATAU
 - ii. Emel kepada: customer@prubsn.com.my
12. Adakah saya layak menerima lebihan?
- a. Anda layak untuk menerima sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) selepas akhir tahun kewangan. Bersama-sama dengan Ahli yang Dilindungi yang lain, anda layak menerima 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian anda untuk lebihan yang boleh diagihkan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank anda melalui e-kredit. Amaun sebenar lebihan yang boleh diagihkan akan ditentukan setiap tahun dan tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
 - b. Bahagian anda bagi lebihan yang boleh diagihkan akan bergantung kepada jumlah *Tabarru`* yang anda sumbangkan. Walau bagaimanapun, sebarang tuntutan yang dibayar sepanjang tahun kewangan akan mengurangkan dana lebihan boleh diagihkan secara langsung. Oleh itu, bahagian anda daripada lebihan yang boleh diagihkan akan dikurangkan / dikeluarkan disebabkan oleh sebarang tuntutan yang dibayar pada tahun kewangan tersebut. Jika jumlah tuntutan yang dibayar atau perlu dibayar kepada anda tidak melebihi jumlah *Tabarru`* yang dibayar pada tahun kewangan tersebut, anda layak menerima lebihan yang boleh diagihkan.

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

- c. Sekiranya terdapat defisit daripada Dana *Tabarru`*, PruBSN tidak akan membayar sebarang lebihan pada tahun kewangan tersebut. Sebaliknya, PruBSN akan menguruskan kerugian tersebut menggunakan *Qard* (pinjaman tanpa faedah) dan membawa ke hadapan pinjaman tersebut ke tahun berikutnya. PruBSN mungkin akan menggunakan sebarang lebihan pada masa hadapan untuk membayar balik pinjaman tanpa faedah tersebut. Sebarang baki lebihan akan dianggap sebagai lebihan yang oleh diagihkan.

13. Adakah sumbangan yang dibayar untuk BSN Takaful Sakinah Plus layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?

- a. Ya, sumbangan yang dibayar mungkin akan melayakkan anda untuk pelepasan cukai pendapatan, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

14. Apakah caj(-caj) yang dikenakan di bawah BSN Takaful Sakinah Plus?

- a. Caj *Wakalah* Pendahuluan sebanyak 35% akan diambil daripada sumbangan dan baki sebanyak 65% daripada sumbangan akan diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*.
b. Semasa pembaharuan, 10% daripada Sumbangan Tahunan Asal akan dikecualikan oleh PruBSN.

15. Saya mempunyai masalah kesihatan. Bolehkah saya mengambil bahagian dalam BSN Takaful Sakinah Plus?

Tidak akan ada soalan yang berkaitan dengan kesihatan yang perlu anda isi semasa langganan. Walau bagaimanapun, manfaat Kematian Secara bukan akibat Kemalangan tidak akan dibayar bagi 4 bulan pertama perlindungan (kematian bukan akibat kemalangan).

16. Bolehkah saya mengubah jenis pelan saya selepas saya membuat langganan?

Semasa tempoh perlindungan berkuat kuasa selama 12 bulan, anda tidak dibenarkan untuk menukar pelan yang dilanggan. Anda boleh menukar jenis pelan anda semasa pembaharuan untuk sijil anda.

17. Bagaimanakah saya boleh mengemas kini maklumat perhubungan saya?

- a. Anda boleh mengunjungi cawangan BSN atau PruBSN/Prudential yang berdekatan anda; atau
b. Anda boleh mengemas kini maklumat anda dengan menghubungi PruBSN di; atau
i. Wakil Khidmat Pelanggan di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi – 5.15 petang)
ATAU
ii. Email kepada: customer@prubsn.com.my
ATAU
iii. Tulis kepada PruBSN di alamat:

Khidmat Pelanggan

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur.

- c. Sekiranya anda adalah Pelanggan PruBSN sedia ada, anda boleh mengemas kini maklumat anda melalui portal web Pelanggan PruBSN iaitu PruBSN Touch di app.prubsn.com.my.

18. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah pelan ini?

Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan sekiranya:

- (a) kematian Ahli yang Dilindungi disebabkan oleh perbuatan membunuh diri sama ada semasa waras atau tidak waras dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi atau tarikh pengendorsan; atau
- (b) Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara bukan akibat kemalangan dalam tempoh 4 bulan Tempoh Menunggu dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.

Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Tempoh Perayaan dan Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* jika ketika waktu kematian, mana-mana kejadian berikut yang melibatkan Ahli yang Dilindungi berlaku:

- (a) mengambil dadah atau narkotik selain daripada yang ditetapkan untuk perubatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan;
- (b) pengaruh atau penyalahgunaan dadah atau narkotik atau alkohol atau penyalahgunaan stimulator;
- (c) kemabukan dadah atau narkotik atau alkohol; atau
- (d) memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan, atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah* sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh salah satu (1) daripada yang tersebut:

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

- (a) peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- (b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- (c) percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan apa-apa kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
- (d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri semasa waras atau tidak waras;
- (e) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- (f) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- (g) apa-apa bentuk sakit atau penyakit disebabkan oleh sebab-sebab yang tidak disengajakan.

Penamaan

1. Mengapa penting untuk penamaan dibuat?
 - a. Penamaan penting untuk memastikan orang tersayang anda akan menerima perlindungan seperti yang anda kehendaki dan bagi membolehkan manfaat-manfaat sijil dibayar oleh PruBSN tanpa sebarang kelewatan. Tanpa penamaan, manfaat-manfaat sijil akan dibayar kepada wasi atau pentadbir anda yang sah untuk mengagihkannya mengikut undang-undang pengedaran yang terpakai. Proses ini mungkin memerlukan jangka masa yang lebih lama.

Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.
2. Siapakah yang boleh saya namakan untuk sijil saya?
 - a. Penama mestilah seorang atau beberapa individu. Penamaan organisasi adalah tidak dibenarkan.

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

3. Bolehkah saya menamakan anak saya?
 - a. Ya, anda boleh. Tetapi anda dinasihatkan untuk menamakan orang dewasa (18 dan keatas) untuk sijil anda. Sekiranya penama(-penama) adalah di bawah umur 18 tahun semasa penyerahan tuntutan, manfaat-manfaat sijil akan dibayar kepada ibu bapa yang masih hidup bagi penama yang bukan dewasa. Sekiranya tiada ibu bapa yang masih hidup, manfaat sijil akan dibayar kepada pihak yang menuntut yang sewajarnya yang akan menggunakan manfaat sijil untuk nafkah dan manfaat anak yang dinamakan, atau kepada Pemegang Amanah Awam atau syarikat amanah yang dicalonkan oleh Ahli Yang Dilindungi (jika ada).

4. Bagaimanakah saya boleh membuat penamaan?
 - a. Anda boleh lawati cawangan BSN atau cawangan PruBSN/Prudential terdekat; atau,
 - b. Anda boleh menghantar borang penamaan, Borang Pengesahan Tandatangan dan salinan KP penama melalui email dan mengikuti langkah seperti di bawah:
 - i. Muat turun borang penamaan dan Borang Pengesahan Tandatangan dari laman sesawang korporat PruBSN di www.prubsn.com.my
 - ii. Isi borang penamaan dan Borang Pengesahan Tandatangan. Sila pastikan anda faham perbezaan di antara menamakan seseorang individu untuk menerima manfaat takaful sebagai *Wasi* (Pelaksana) atau sebagai *Hibah* (Hadiah). Tandakan kotak dengan sewajarnya.
 - iii. Emelkan dokumen yang lengkap ke customer@prubsn.com.my bersama salinan KP penama.
 - iv. Anda akan diberitahu sebaik sahaja PruBSN telah memperbaharui penamaan anda.

5. Apakah yang akan penama(-penama) terima setelah penyerahan tuntutan?
 - a. Penama(-penama) anda akan menerima yang berikutnya
 - i. Manfaat *Khairat* (Manfaat ini adalah untuk menampung perbelanjaan pengebumian Ahli yang Dilindungi)
DAN
 - ii. Manfaat Kematian Secara bukan akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan, Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Musim Perayaan atau Manfaat Kemalangan akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*.

6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya penama saya meninggal dunia?
 - a. Anda perlu mengemas kini dengan PruBSN penama(-penama) baru dengan mengikuti langkah-langkah seperti soalan nombor empat (4) di atas.

7. Bolehkah saya mempunyai lebih daripada satu penama?

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

- a. Ya. Anda boleh mempunyai lebih dari satu penama yang dilantik sebagai penama anda atau *Wasi* (Pelaksana).

Tuntutan-tuntutan

1. Kepada siapakah manfaat sijil BSN Takaful Sakinah Plus saya akan dibayar sekiranya berlaku tuntutan?
 - a. Setelah kelulusan tuntutan kematian, manfaat sijil akan dibayar kepada penama(-penama) atau penuntut yang sepatutnya atau pelaksana atau pentadbir anda yang sah (jika tiada penamaan dibuat).

Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.

2. Bagaimanakah penama(-penama) saya atau penuntut yang sepatutnya boleh melakukan tuntutan?
 - a. Penama(-penama) anda atau penuntut yang sepatutnya boleh lawati cawangan BSN atau cawangan PruBSN/Prudential terdekat.
 - b. Atau anda boleh merujuk kepada panduan tuntutan PruBSN untuk Manfaat Kematian dari laman web korporat PruBSN di www.prubsn.com.my. Sebagai alternatif, anda boleh emel permohonan anda ke customer@prubsn.com.my atau hubungi Wakil Khidmat Pelanggan PruBSN di 03 – 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi. - 5.15 petang).

3. Bagaimana penama(-penama) atau penuntut yang sepatutnya boleh menyemak status tuntutan atau mendapatkan pencerahan berkenaan keputusan tuntutan?

Penama anda atau penuntut yang sepatutnya boleh menyemak status tuntutan anda melalui saluran berikut:

 - a. Hubungi Wakil Khidmat Pelanggan PruBSN di 03 – 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi. - 5.15 petang.); atau
 - b. Hantar emel kepada PruBSN di customer@prubsn.com.my ; atau
 - c. Lawati cawangan PruBSN/Prudential yang terdekat.

4. Berapa lamakah tuntutan akan diproses?
 - a. Lima (5) hari bekerja akan diperlukan untuk sebarang pembayaran tuntutan setelah penerimaan dokumen sokongan yang lengkap seperti yang diminta oleh PruBSN.

BSN Takaful Sakinah Plus – Soalan-soalan Lazim

5. Apakah dokumen-dokumen yang perlu dihantar semasa tuntutan?
a. Dokumen(-dokumen) yang perlu dihantar semasa tuntutan adalah seperti berikut:

Jenis Dokumen	Jenis Tuntutan-tuntutan		
	Manfaat Khairat	Kematian Secara bukan akibat Kemalangan	Kematian akibat Kemalangan
Salinan Sebenar yang Disahkan – Sijil Kematian	√	√	√
Salinan KP penuntut	√	√	√
Laporan Polis	X	X	√
Borang Tuntutan dengan butiran e-kredit	√	√	√
Sijil Perawat Perubatan	X	√	√
Kenyataan Doktor	X	X	X
Laporan Makmal/ Keputusan Ujian Pengesahan	X	X	√
Surat Pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara	X	X	√*
Salinan Sebenar yang Disahkan – Passport Penuh	X	X	√*
Bukti Dokumen Lain untuk <i>Haji</i>	X	X	√*
Sijil Perakuan	X	X	√*

*Hanya digunakan untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan Semasa Menunaikan *Haji* atau *Umrah*.

Sila pastikan semua maklumat adalah tepat dan dokumen adalah lengkap untuk melancarkan proses tuntutan. PruBSN mungkin akan meminta untuk dokumen sokongan lain yang berkaitan, informasi atau untuk melihat dokumen-dokumen asal apabila diperlukan.

- b. Bagi sijil tanpa penamaan, dokumen tambahan adalah diperlukan:
i. Salinan bukti hubungan yang diperakui (Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran) untuk semua penuntut.

Pembatalan dan Penamatan

1. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?
 - a. Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada PruBSN. Sekiranya anda membatalkan sijil anda dalam masa 15 hari pertama setelah sijil anda berkuatkuasa, PruBSN akan memulangkan sumbangan yang telah dibayar. Walau bagaimanapun, sekiranya anda membatalkan pada bila-bila masa selepas 15 hari, sumbangan yang dibayar tidak akan dipulangkan semula. Sebaliknya, PruBSN akan terus memberi perlindungan kepada anda sehingga ulangtahun sijil setelah anda membuat pemberitahuan untuk pembatalan.

2. Di bawah keadaan apakah sijil BSN Takaful Sakinah Plus saya akan ditamatkan?
 - a. Sijil anda akan tamat secara automatik (mana-mana berlaku terlebih dahulu):
 - i. apabila Ahli yang Dilindungi meninggal dunia; atau
 - ii. apabila tiada pembayaran sumbangan dibuat sebelum tamatnya tempoh penangguhan; atau
 - iii. apabila tarikh pembaharuan sijil pada tarikh lahir Ahli yang Dilindungi yang ke-61. apabila Tarikh Pembaharuan Sijil Tahunan pada hari lahir ke-enam puluh satu (61) Ahli yang Dilindungi; atau
 - b. Sijil anda akan ditamatkan pada akhir tempoh tahunan (mana-mana berlaku terlebih dahulu):
 - i. apabila menerima arahan bertulis daripada Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi; atau
 - ii. apabila menerima arahan bertulis daripada Ahli yang Dilindungi untuk menamatkan/ menyerahkan perlindungan takaful beliau; atau
 - iii. apabila berlaku penamatan Sijil Induk.

3. Sekiranya sijil BSN Takaful Sakinah Plus saya ditamatkan 30 hari selepas tiada pembayaran sumbangan dibuat (luput), bolehkah saya menguatkuasakan semula sijil saya?
 - a. Tidak, anda tidak boleh menguatkuasakan semula sijil. Oleh itu, adalah penting untuk anda membayar sumbangan anda tepat pada masanya. Sebagai alternatif, anda boleh menyertai sijil BSN Takaful Sakinah Plus melalui permohonan baru, tertakluk kepada pengecualian yang dibutirkan di perenggan 18 di bawah seksyen Manfaat dan Ciri-ciri Produk dan dan bagi Manfaat Kematian bukan akibat Kemalangan, terdapat Tempoh Menunggu selama 4 bulan dari Tarikh Berkuat kuasa Ahli yang Dilindungi.